

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang pencapaian dasar mengurangkan identifikasi kaum dengan kerjaya masing-masing, misalnya orang Cina berniaga, orang Melayu menjadi kakitangan kerajaan dan sebagainya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Identifikasi kaum mengikut pekerjaan yang terjadi semasa zaman penjajahan Inggeris akibat dasar pecah dan perintah di mana setiap etnik sengaja dipisahkan bagi mengelakkan usaha penyatuan yang membawa risiko penentangan terhadap penjajahan. Selain itu, kaum Melayu dikekalkan untuk menjalankan aktiviti pertanian di kawasan luar bandar manakala kaum Cina dan India dibawa masuk untuk bekerja di bidang perlombongan dan perladangan, masing-masing.

Menyedari akan perkara ini, Kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 dengan matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Ianya bertujuan mengatasi ketidakseimbangan pendapatan antara etnik di Malaysia dan seterusnya mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Ianya diteruskan melalui dasar pembangunan berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan dan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pendekatan secara inklusif telah diperkenalkan. Pendekatan ini memastikan setiap etnik memperoleh peluang yang saksama dalam menyertai aktiviti ekonomi dan menikmati agihan kekayaan negara tanpa meminggirkan mana-mana segmen masyarakat.

Melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan usaha Kerajaan, jurang ketidakseimbangan semua kaum dalam sektor ekonomi, iaitu dari segi indikasi pekerjaan dilihat semakin berkurang. Penyertaan kaum dalam kebanyakan sektor dilihat semakin meningkat dan lebih seimbang,

sebagai contoh, peningkatan penglibatan Bumiputera dalam sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang meningkat daripada 34.5% pada tahun 1990 ke 47.8% pada tahun 2013. Begitu juga dengan bidang pembuatan di mana penyertaan Bumiputera telah meningkat kepada 60.7% pada tahun 2013 berbanding 46.4% pada tahun 1990. Penyertaan guna tenaga berasaskan pekerjaan, sektor terpilih dan etnik adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 1: Guna Tenaga Berasaskan Sektor Terpilih
& Etnik, 1990- 2013**

Etnik	Pembuatan (%)		Pembinaan (%)		Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran (%)		Pengangkutan dan penyimpanan (%)	
	1990	2013	1990	2013	1990	2013	1990	2013
Bumiputera	46.4	60.7	34.9	58.1	34.5	47.8	49.0	67.1
Cina	37.9	27.8	51.4	35.3	33.3	11.1	30.3	13.3
India	11.0	11.0	5.8	5.5	6.8	6.2	14.9	14.7
Lain-lain	4.7	0.5	7.9	0.6	6.2	0.5	5.8	0.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS)

Bagi penyertaan Bumiputera di dalam profesional terpilih berbanding etnik lain juga dilihat semakin seimbang seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 2: Peratus Penyertaan dalam Bidang Profesional Terpilih
berasaskan Etnik, 2010- 2013 (%)**

Profesion terpilih	2010					2013				
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Akauntan	7.4	87.0	5.2	0.4	100	8.0	86.4	4.8	0.8	100
Arkitek	37.5	60.8	1.6	0.1	100	38.4	59.4	1.6	0.5	100
Doktor	48.0	21.6	19.3	11.1	100	45.7	26.9	18.9	8.6	100
Doktor Gigi	50.6	32.5	14.8	2.2	100	54.6	33.0	10.3	1.5	100

Doktor Veterinar	42.0	34.1	20.6	3.4	100	45.1	35.2	19.6	0.1	100
Jumlah	51.7	35.5	21.1	3.0	100	55.6	35.9	5.6	0.0	100

Manakala, dari segi pemilikan ekuiti korporat juga, semua etnik menunjukkan peningkatan samada dari segi nilai ataupun peratus. Ini menunjukkan bahawa dasar dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah berjaya mengurangkan jurang ketidakseimbangan ekonomi di antara etnik.

**Jadual 3: Peratus Pemilikan Ekuiti Dalam Sektor Korporat (Nilai
Tara), 1990-2011**

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Asing	Nomini
1990	23.45	32.18	2.36	0.31	37.15	4.54
2011	23.45	32.18	2.36	0.31	37.15	4.54

Kerajaan yakin dengan pelaksanaan melaksanakan dasar dan inisiatif ini, jurang ketidakseimbangan antara kaum akan berkurang dan seterusnya mencapai kesaksamaan sosioekonomi.

Sekian, terima kasih.